

MAHATHIR - MUSABAQAH

1983

KUALA LUMPUR, 26 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENJAGA KEBERSIHAN ROHANI DAN JASMANI MENGIKUT LUNAS-LUNAS YANG DIKEHENDAKI OLEH ISLAM.

MENURUTNYA, ISLAM SANGAT MENGUTAMAKAN KEBERSIHAN DAN KONSEP KEBERSIHAN INI BUKANLAH TERHAD KAPADA KEBERSIHAN FISIKAL, SAMADA KEBERSIHAN DIRI, MAKANAN, PAKAIAN, TEMPAT TINGGAL, HALAMAN DAN PERSEKITARAN, ATAUPUN KEBERSIHAN YANG BERNHUBUNG DENGAN HADAS YANG BERKAIT DENGAN IBADAT.

"TERAS KEBERSIHAN DALAM ISLAM IALAH KEBERSIHAN HATI, IAITU SEBAGAI MANIFESTASI IMAN YANG SEBENAR," DEMIKIAN KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM BUKU ATURCARA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN KE-25 KEBANGSAAN YANG DIADAKAN SELAMA ENMPAT MALAM MULAI SABTU INI DI KUALA TERENGGANU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KEBERSIHAN HATI MERUPAKAN SEGALA FIKIRAN DAN KEGIATAN SAMADA YANG BERNHUBUNG DENGAN ALLAH MAHUPUN YANG BERKAIT DENGAN PERHUBUNGAN SESAMA MANUSIA.

BELIAU MENSIFATKAN HATI MEREKA YANG TIDAK BERSIH AKAN MENDORONG SESEORANG MANUSIA UNTUK BURUK SANGKA TERHADAP ORANG LAIN, FITNAH-MEMFITNAH, TIDAK KHUSUK DALAM IBADAT, BERTINDAK TANPA PERI KEMANUSIAN DAN MELAKUKAN KEJAHATAN SERTA KEBURUKAN. -- LAGI

1150/MB

NNNN

ZCZC B535

MAHATHIR - MUSABAQAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT HATI YANG TIDAK BERSIH AKAN MELEMAHKAN IMAN DAN KELEMAHAN IMAN PULA BOLEH MEMBAWA KEKOTORAN KEPADA HATI.

BELIAU MENSIFATKAN TEMA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN TAHUN INI, "KEBERSIHAN ASAS KESEMPURNAAN IMAN," ADALAH INTISARI YANG AMAT PENTING DALAM KEHIDUPAN ISLAM SEJATI.

KONSEP KEBERSIHAN INI JIKA BENAR-BENAR MENJADI LANDASAN PEMIKIRAN DAN GERAK GERI UMAT ISLAM AKAN MENJADI TERAS KEMAJUAN DAN KEBAHAGIAN UMAT ISLAM SELURUHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERDOA KEPADA ALLAH SEMOGA AKAN MERESTUI RAKYAT NEGARA INI DENGAN SIFAT-SIFAT KEMULIAAN DAN MENEGUHKAN IMAN DALAM MENCAPAI KEBAHAGIAN DAN KEJAYAAN DUNIA DAN AKHIRAT.

-- LAGI 1155/MB

NNNN

ZCZC B536

MAHATHIR - MUSABAQAH 3 KUALA LUMPUR

PENGERUSI JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN MOHAMED ISA BERKATA, MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN YANG TELAH DIJALANKAN SEJAK 25 TAHUN DI PERINGKAT KEBANGSAAN TELAH DAPAT MENIMBULKAN KESEDARAN KEPADA UMAT ISLAM SERTA MEMBAWA MEREKA MENUJU KE JALAN YANG DIREDHAI ALLAH.

MENURUTNYA, BANYAK KESAN YANG TELAH DIDAPATI DALAM MASA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN DIADAKAN, DI NEGARA INI.

MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD PULA BERKATA MUSABAQAH YANG DIADAKAN SETIAP TAHUN DI NEGARA INI MERUPAKAN SATU INGATAN KEPADA UMAT ISLAM SUPAYA TIDAK MELUPAKAN AL QURAN.

BELIAU MENGAJAK SEMUA UMAT ISLAM SUPAYA HEMPELAJARI KANDUNGAN AL QURAN SERTA MENGAMALKAN SEGALA PENGAJARANNYA DAN BUKAN SETAKAT MENDENGAR ALUNAN DAN KEMERDUAN SUARA PEMBACA-PEMBACA SAHAJA.

DATUK WAN MOKHTAR JUGA MENYERU UMAT ISLAM DI NEGARA INI MEMBERSIHKAN JIWA DARI SEGALA SIFAT KEJI DAN PERBUATAN MUNKUR SEPERTI SYIRIK, RIBA, HASAD, DENGKI, DENDAM DAN TAKSUR SERTA FITNAH MEMFITNAH DAN SEBAGAINYA. -- BERNAMA 1200/MB